# PENGELUARAN KESIHATAN

**Membiayai kos rawatan penyakit kritikal, membeli peralatan perubatan yang dibenarkan oleh KWSP atau mendapatkan rawatan kesuburan**



| | RAWATAN PENYAKIT KRITIKAL | RAWATAN KESUBURAN |
|---|---|---|
| | **Permohonan pembiayaan kos rawatan Ahli** atau keluarga Ahli berkaitan dengan rawatan penyakit kritikal atau kos peralatan perubatan yang dibenarkan oleh KWSP* | **Permohonan pembiayaan rawatan kesuburan** oleh Ahli dan/atau pasangan *(suami/isteri)* |
| **CIRI-CIRI** | | |
| **Pesakit** | • Ahli<br>• Pasangan *(suami/isteri)*<br>• Ibubapa *(ibubapa kandung, ibubapa tiri, ibubapa mertua, ibubapa angkat)*<br>• Anak *(anak kandung, anak angkat, anak tiri)*<br>• Adik-beradik *(adik-beradik kandung)* | Hanya untuk pasangan yang sah berkahwin dari segi undang-undang:<br>• Ahli<br>• Pasangan *(suami/isteri)* |
| **Jenis Rawatan yang dibiayai** | Penyakit kritikal termasuk:<br>• Peralatan perubatan; dan/atau<br>• Ubat-ubatan *(yang disarankan oleh doktor perubatan bertauliah)* | • *Intrauterine Insemination (IUI)*<br>• *In-Vitro Fertilisation (IVF)*<br>• *Intracytoplasmic Sperm Injection (ICSI)* |
| **KELAYAKAN** | | |
| **Pemohon** | • Warganegara Malaysia atau Bukan Warganegara<br>• Belum mencapai umur 55 tahun | |
| **Amaun Kelayakan** | • Jumlah kos rawatan atau semua amaun dalam Akaun 2 *(mana yang terendah)*<br>• Semua baki kos rawatan atau semua amaun dalam Akaun 2 *(mana yang terendah)* | |
| **SKOP PENGELUARAN** | | |
| **Skop** | • Keseluruhan kos rawatan KECUALI yang telah ditanggung oleh majikan<br>• Menjalani rawatan di Institusi Perubatan dalam atau luar negara bagi rawatan penyakit kritikal<br>• Menjalani rawatan di Institusi Perubatan dalam negara bagi rawatan kesuburan | |
| **PEMBAYARAN** | | |
| **Cara Pembayaran** | • Kepada Ahli<br>• Kepada Institusi Perubatan dalam negara jika kos rawatan masih tertunggak/belum selesai | |

* Sila rujuk senarai Penyakit Kritikal yang dibenarkan oleh KWSP di laman web KWSP.

| | |
|---|---|
| **Kaedah Bayaran** | **Bayaran Dalam Negara**<br>• Pengkreditan terus ke akaun simpanan/semasa Ahli yang aktif<br>• Cek Jurubank (sekiranya bayaran kepada akaun Ahli tidak berjaya)<br><br>**Bayaran Luar Negara**<br>Draf Bank Asing<br>• Matawang asing pilihan Ahli adalah tertakluk kepada jenis matawang yang disenaraikan oleh KWSP<br>• Jika matawang pilihan Ahli tiada dalam senarai KWSP, bayaran akan dibuat dalam matawang US Dollar |
| **DOKUMEN** | |
| **Dokumen Utama** | • Borang Pengeluaran KWSP 9D (AHL)<br>• Dokumen pengenalan diri<br>• Maklumat akaun bank Ahli<br>• Borang KWSP 3 (Pindaan) – (diperlukan jika pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) gagal)<br>• Laporan perubatan terkini - Borang LPP1 (untuk rawatan penyakit kritikal) atau Borang LPP2 (untuk rawatan kesuburan)<br>• Bil/invois akhir dan/atau resit berkaitan rawatan<br>• Surat pengesahan daripada majikan Ahli dan/atau keluarga Ahli yang mengesahkan tanggungan pembiayaan kos rawatan |
| **Dokumen Tambahan** | Rujuk Senarai Semak Dokumen (SSD) dalam Borang KWSP 9D (AHL) dan sebarang dokumen sokongan tambahan yang diminta oleh KWSP |

**NOTA AMARAN**

**Membuat kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu**
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59 (1) Akta KWSP 1991]

**INFO** Layari laman web KWSP untuk maklumat lanjut